

# KESAN PERTUBUHAN PENGGANAS TERHADAP KESTABILAN DAN KESATUAN MASYARAKAT DAN NEGARA ISLAM

OLEH: MUHAMMAD ASRIE BIN SOBRI<sup>1</sup>

## PENDAHULUAN

Selepas kewafatan Rasulullah ﷺ, Umat Islam dipimpin di bawah panji-panji para Khalifah Al-Rasyidin yang mendapat petunjuk daripada ALLAH ta'ala, mereka mencapai kegemilangan dalam segenap segi kehidupan, berjaya meluaskan dakwah Islamiah sehingga ke negeri-negeri di bawah jajahan Empayar Byzantine dan Farsi bahkan berjaya meruntuhkan singgahsana Kisra Farsi.

Pada penghujung pemerintahan Khalifah Al-Rasyidin iaitu pada penggal kedua pemerintahan Amirul Mukminin Usman bin 'Affan sekitar tahun 33Hijrah, berlaku pergolakan dalaman dicetuskan oleh kaum jahil dan munafiqin sehingga membawa kepada terbunuhnya Khalifah Usman pada tahun 35 Hijrah<sup>1</sup>.

Kemudian di zaman Khalifah 'Ali bin Abi Talib munculnya gerakan "*Al-Khawarij*" yang merupakan gerakan ekstrem menghalalkan darah kaum Muslimin yang tidak sependapat dengan ideologi mereka. Gerakan ini terkenal dengan ideologi menghukum kafir sesiapa sahaja yang melakukan dosa besar dalam kalangan Ahli Tauhid dan menghalalkan darah mereka serta menghunus senjata untuk menjatuhkan pemerintah muslim yang dianggap oleh mereka sebagai Fasiq atau Kafir.

Gerakan al-Khawarij membentuk firqah (aliran) dalam Teologi yang terkesan dengan Muktazilah dan Ilmu Kalam, dalam kalangan firqah ini berlaku pula percakaran sesama sendiri lalu terbentuklah pecahan-pecahan besar dalam aliran ini, antara yang paling terkenal adalah<sup>2</sup>:

- **Al-Azariqah**: diasaskan oleh Nafi' bin Al-Azraq (terbunuh: 165H).
- **Al-Najdat**: diasaskan oleh Najdah bin 'Amir Al-Hanafi yang berselisih pandangan dengan Nafi' bin Al-Azraq
- **Al-Sufriyah**: diasaskan oleh Ziyad bin Al-Asfar
- **Al-Ibadhiyah**: diasaskan oleh Abdullah bin Ibadh

Ini adalah pecahan utama Al-Khawarij atau disebut kelompok al-Khawarij klasik dan kesemua mereka bersepakat bahawa Amirul Mukminin 'Ali bin Abi Talib adalah kafir, demikian semua pelaku dosa besar dalam kalangan kaum Muslimin adalah kafir kecuali Najdat yang memberikan uzur jika dilakukan secara jahil, mereka juga bersepakat pelaku dosa besar dalam kalangan mukminin adalah Kafir dan kekal dalam Neraka kecuali Najdat yang mengecualikan pengikutnya<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Eksekutif Dakwah (Unit Kajian Ilmiah) Yayasan Ta'lim Kuala Lumpur. Berkelulusan (BA) Aqidah dan Dakwah, Universiti Islam Madinah.

Pecahan kelompok Khawarij klasik ini tidak ada lagi yang kekal sebagai satu kelompok kecuali al-Ibadhiah yang terus menjadi pegangan di negara Oman dan beberapa kawasan lain, namun ideologi dan doktrin Khawarij ini terus subur dan menjelma dalam pelbagai bentuk pertubuhan atau kelompok baharu yang dinamakan sebagai: Neo-Khawarij (Khawarij Moden) bermula pada abad ke-20 Masihi.

## **KHAWARIJ MODEN**

Gerakan Neo-Khawarij/Khawarij Moden direkodkan bermula pada abad ke-20 Masihi disebabkan beberapa faktor:

- **Penjajahan Barat:** Penjajahan Barat ke atas Dunia Islam menyebabkan Umat Islam tercari-cari punca kejatuhan mereka dan jalan kebangkitan semula, maka dalam proses ini banyak pemikiran menyeleweng tradisional dihidupkan semula seperti Muktazilah dan Khawarij.
- **Kerajaan Sekular:** Penjajahan meninggalkan pewaris mereka di negara jajahan setelah diberikan kemerdekaan iaitulah kaum Sekularis yang terdidik dengan kehidupan dan ideologi Barat, mereka diletakkan sebagai pemerintah kaum Muslimin, hal ini menyebabkan timbulnya semangat untuk memberontak terhadap kerajaan yang dianggap boneka penjajah ini.
- **Tersebarnya Maksiat:** Di bawah kerajaan sekular, maksiat diberikan kebebasan dan lesen, hal ini menyentuh emosi kaum muslimin dan semangat mencegah mungkar yang tidak dipandu Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah telah menghidupkan Manhaj Khawarij dalam usaha mencegah kemungkaran ini.

Pemikiran Khawarij ini dimunculkan kembali oleh beberapa tokoh pemikiran Islam yang mempunyai usaha gigih ke arah menegakkan Daulah Islamiah dan menentang Sistem Pemerintahan Sekularisme. Kemudian, ideologi ini berkembang membentuk apa yang dikenali dewasa ini sebagai kumpulan Militan Islam atau kumpulan Terroris seperti *Al-Qaeda*, *Jama'ah Muslimin (Takfir wal Hijrah)*, dan seumpamanya.

Beberapa siri kekejaman pemerintah nasionalis dan sekularis terhadap golongan Islamis memberikan jalan mudah tersebarnya fikrah ini demikian juga beberapa siri peperangan dan Jihad membuka ruang kepada fikrah ini membiak.

## **INDUK PEMIKIRAN NEO-KHAWARIJ**

Para pengkaji mengembalikan penyebaran doktrin Khawarij di zaman moden kepada gerakan Al-Ikhwan Al-Muslimun (Muslim Brotherhood) yang diasaskan oleh Syeikh Hasan Al-Banna pada tahun 1359H/1928M di Mesir<sup>4</sup>.

Gerakan Al-Ikhwan Al-Muslimun (IM) mempunyai ideologi menggunakan tindakan ganas dalam mencapai cita-cita mereka membentuk Khilafah Islamiah dan menggulingkan kerajaan Islam yang pada pandangan mereka tidak memenuhi kriteria Daulah Islamiah<sup>5</sup>.

Antara doktrin mereka yang ekstrem dan ganas serta menjurus kepada Takfir adalah:

- 1) Melihat hanya kelompok mereka sahaja sebagai Jama'ah Muslimin yang hak<sup>6</sup>
- 2) Tidak ada pemerintahan Islam yang layak disifatkan sebagai Jama'ah Muslimin yang wajib ditaati<sup>7</sup>
- 3) Menggagaskan ideologi memberontak terhadap pemerintah<sup>8</sup>
- 4) Penubuhan Tanzim Al-Khas (Special Force) yang melaksanakan beberapa aktiviti pembunuhan politik<sup>9</sup>:
  - i- Pembunuhan Perdana Menteri Mesir: Ahmad Mahir Pasha (1945M)<sup>10</sup>
  - ii- Pembunuhan Khazindar, Hakim Mesir (1948M)<sup>11</sup>
  - iii- Revolusi ke atas Raja Yemen dan pembunuhan baginda (1948M)<sup>12</sup>
  - iv- Pembunuhan Perdana Menteri Mesir: Mahmud Fahmi Al-Nuqrasyi (1948M)<sup>13</sup>

Kemudian gagasan pemikiran Khawarij ini dikembangkan lagi oleh dua tokoh besar gerakan Islam Moden:

### 1) Abul A'la Al-Maudui

### 2) Syed Qutb

Keterlibatan dua sosok ini dalam membentuk pemikiran Takfir dan khawarij moden ditegaskan beberapa pengkaji termasuk daripada ahli Al-Ikhwan Al-Muslimun seperti yang dinyatakan oleh Dr. Yusuf Al-Qaradawi:

*"Pada peringkat ini munculnya kitab-kitab Al-Syahid Syed Qutb yang mewakili peringkat terakhir pemikiran beliau yang membuak-buak dengan idea mengkafirkan masyarakat dan menangguhkan dakwah sehingga tegaknya Sistem Pemerintahan Islam dan mempersendakan idea memperbaharui Fiqh dan mengembangkannya dan menghidupkan semula Ijtihad dan menyeru kepada pengasingan emosi daripada masyarakat dan memutuskan segala hubungan dengan orang lain dan menyeru kepada Jihad menyerang atas manusia seluruhnya dan mempersendakan penyeru toleransi, serta menuduh mereka dengan tuduhan jelek dan terpengaruh dengan budaya Barat. Hal ini sangat jelas dalam terdapat dalam Tafsir Al-Syahid "Fi Zilal Al-Quran", pada cetakannya yang kedua, dan dalam kitabnya "Ma'alim fit Tariq" dan kebanyakannya diambil daripada "Al-Zilal", juga dalam kitabnya "Al-Islam wa Musykilat Al-Hadharah" dan lain-lain. Kitab-kitab ini mempunyai kelebihannya dan kesannya yang positif namun juga mempunyai kesan Negatif. Demikian juga muncul kitab-kitab seorang individu yang didoakan buatkan Rahmat ALLAH dan keampunan iaitu Syeikh Sa'id Hawwa yang turut membawa idea yang sama dan berjalan dalam landasan serupa"<sup>14</sup>*

Abu Mus'ab Al-Suri, tokoh penting gerakan Al-Qaeda menyatakan berkenaan Abul A'la Al-Maududi: *"dan salah satu tulisan beliau yang terpenting iaitu (Al-Mustalahat Al-Arba'ah) mengandungi banyak daripada asas-asas pemikiran Jihad Moden."<sup>15</sup>*

Juga pernyataannya berkenaan Syed Qutb:

*"tokoh pemikiran Jihad di zaman moden tanpa diragui lagi adalah Syed Qutb; Kitab beliau (Fi Zilal Al-Quran) telah menghimpunkan inti teori-teori penggerak kepada pemikiran Jihad moden, demikian kitab beliau (Ma'alim fi Al-Tariq) adalah yang paling penting walaupun saiznya kecil namun mengandungi intipati pemikiran tersebut dan cadangan-cadangan berkaitan Jihad Revolusi, demikian juga karya-karya beliau yang lain telah membentuk satu methode yang sempurna bagi pemikiran Jihad moden yang bersesuaian dengan period tersebut dan pemikiran Syed Qutb merupakan titik perubahan terhadap pola perjalanan pemikiran kebangkitan Islam secara umumnya dan bagi Ikhwanul Muslimin secara khususnya"<sup>16</sup>*

Kemudiannya daripada pecahan gerakan ini muncul pula serpihan-serpihan mereka yang terkenal seperti:

- Al-Qaeda
- Jama'ah Islamiah Mesir
- Jama'ah Islamiah Indonesi (JI)
- Sururiyah<sup>17</sup>
- Islamic States (Daulah Islamiah)-Daesh/IS

Walaupun dalam kalangan pecahan ini terdapat percakaran sesama sendiri, namun mereka berkongsi ideologi yang sama dan doktrin yang serupa, hanya kerana perbezaan ijthad dan suluk yang digunakan, sikap ekstrem yang mereka miliki menyebabkan mereka saling berbunuhan dan kafir-mengkafir sesama mereka.

### **HUBUNGAN NEO-KHAWARIJ DAN SALAFI:**

Pihak Barat (Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya) mengada-adakan tohmahan buruk bahawa kelompok Neo-Khawarij ini adalah: *Salafi-Jihadi*, ini merupakan kempen jahat mereka untuk memburukkan dua elemen penting ajaran Islam iaitu:

Salafiyah= yang merujuk kepada ajaran Islam berlandaskan kefahaman Sahabat

Jihad= iaitulah kemuncak ajaran Islam yang dinyatakan oleh Rasulullah bahkan baginda menegaskan seorang muslim yang tidak pernah berjihad dan tidak terdetik dalam benaknya untuk berjihad maka dia mati di atas salah satu cabang kemunafikan.

Hakikatnya, ajaran Khawarij mahupun Neo-Khawarij tidak pernah ada kaitan dengan Salafiyah mahupun Jihad, semenjak kemunculan kumpulan Khawarij, mereka merupakan kelompok anti-tesis kepada Salafi (yang diwakili para Sahabat ) dan juga Jihad yang merupakan perjuangan suci dan penuh tamadun bagi menegakkan Islam.

Jika kita menelusuri aqidah pegangan tokoh-tokoh besar neo-Khawarij ini kita dapati:

1) Hasan Al-Banna= beliau seorang Sufi bertariqat Hasafiah Syaziliah<sup>18</sup>

2) Abul A'la Al-Maududi= beraqidah Ilmu Kalam<sup>19</sup>

3) Syed Qutb= juga beraqidah Ilmu Kalam<sup>20</sup>

Bahkan gerakan Taliban yang menjadi sekutu rapat gerakan Al-Qaeda merupakan pengikut ajaran Deobandiah dan berpegang dengan ajaran Sufi Kuburi<sup>21</sup>.

Maka dakwaan bahawa gerakan Neo-Khawarij adalah bersumber dari ajaran Salafi merupakan tohmahan semata-mata, tujuan mereka adalah untuk mengaitkan ajaran Islam itu sendiri dengan ekstremisme kerana sudah jelas ajaran Salafi merupakan Islam sejati yang diamalkan oleh para Sahabat .

### **KESAN GERAKAN NEO-KHAWARIJ KE ATAS UMAT ISLAM:**

Khawarij memberikan kesan negatif terhadap Umat Islam sehingga mereka disifatkan dalam hadis dengan pelbagai celaan antaranya:

1) Perintah Memerangi Khawarij:

Daripada Ali bin Abi Talib bahawa Rasulullah bersabda:

سَيَخْرُجُ قَوْمٌ فِي آخِرِ الزَّمَانِ، أَحْدَاثُ الْأَسْنَانِ، سُفَهَاءُ الْأَحْلَامِ، يَقُولُونَ  
مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ، لَا يُجَاوِزُ إِيْمَانُهُمْ حَنَاجِرَهُمْ، يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ، كَمَا  
يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ، فَأَيْنَمَا لَقِيتُمُوهُمْ فَاقْتُلُوهُمْ، فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ أَجْرًا لِمَنْ  
قَتَلَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ<sup>22</sup>

Maksudnya: "Akan keluar satu kaum di akhir zaman, yang masih muda umur mereka, mempunyai kefahaman yang cetek, mereka akan mengucapkan perkataan-perkataan yang sangat baik (slogan yang baik), namun Iman mereka tidak melepasi kerongkong mereka, mereka meluncur keluar dari agama seperti meluncur keluar anak panah dari busurnya, di mana sahaja kamu bertemu mereka maka bunuhlah mereka kerana membunuh mereka itu mempunyai pahala bagi yang melakukannya di hari Kiamat".

2) Rasulullah menggelar mereka sebagai Anjing-anjing Neraka:

Daripada Ibnu Abi Aufa bahawa Rasulullah bersabda:

الْخَوَارِجُ كِلَابُ النَّارِ<sup>23</sup>

Maksudnya: "Al-Khawarij adalah anjing-anjing Neraka".

Celaan-celaan yang berat terhadap Khawarij ini adalah kerana mereka memberikan kesan yang sangat buruk terhadap ajaran Islam dan umatnya, antara kesan tersebut adalah:

## 1) Meruntuhkan Jama'ah Muslimin:

Antara sikap dan perangai Khawarij seperti yang dinaskan oleh Rasulullah adalah mereka suka memerangi kaum Muslimin dan membunuh mereka namun berlunak-lunak dengan kaum Kafir:

يَقْتُلُونَ أَهْلَ الْإِسْلَامِ، وَيَدْعُونَ أَهْلَ الْأَوْثَانِ<sup>24</sup>

Maksudnya: *"Mereka membunuh orang Islam dan membiarkan penyembah berhala"*.

Oleh itu, kumpulan ini akan memudahkan rencana jahat kaum Kafir bagi memecah belahkan Umat Islam dan dengan mudah menjadi senjata kaum Kafir bagi membunuh Umat Islam dari dalam.

Hal ini kita dapat saksikan melalui tindakan IS sebagai contohnya, kewujudan mereka mengukuhkan kezaliman kerajaan Zindiq Parti Ba'ath di Syria dan menjadi batu loncatan kaum Zindiq Rafidhah membunuh Umat Islam di Mosul.

Gerakan Arab Spring juga merupakan bukti yang sangat jelas pemikiran Neo-Khawarij menjadi perosak kestabilan Umat Islam. Gerakan ini yang didalangi oleh pergerakan Ikhwanul Muslimin dan ditunggang pula oleh Liberalisme menjadi bukti ideologi "memberontak" ke atas pemerintah merupakan ancaman terbesar keharmonian Umat Islam.

## 2) Menjadi Pelincir Kemasukan Ideologi Liberalisme

Kewujudan gerakan ekstrem dan ganas ini memberikan tanggapan salah terhadap ajaran Islam sebenar lalu peluang ini diambil golongan Orientalis untuk memburukkan Islam dan menuduh ajaran Islam menjadi punca keganasan.

Hasil tindakan ini mewujudkan respon dalam kalangan sebahagian kaum Muslimin yang lemah ilmu dan iman mereka serta didorong juga oleh Orientalis untuk memberikan naratif Liberal terhadap ajaran Islam.

Usaha ini dapat dilihat secara jelas melalui RAND.corp<sup>25</sup> di Amerika Syarikat yang menerbitkan kajian mereka berjudul: *Building Moderate Muslim Network* (2007)<sup>26</sup> yang menggagaskan Islam Liberal sebagai sekutu terbaik Barat bagi melawan pemikiran Ekstrem yang disandarkan kepada ajaran "*Salafi-Jihadi*".

Di Malaysia, kita dapat menyaksikan sejak peristiwa 11/9 sehingga kemunculan IS, gerakan Liberalisme semakin mencengkam, seruan Islam Moderate dan Progresif mula dilaung-laungkan termasuk dalam kalangan agamawan, munculnya pertubuhan Liberal yang lebih agresif seperti: Islamic Renaissance Front (IRF)<sup>27</sup>, kumpulan G25, Projek Dialog<sup>28</sup>, dan lain-lain yang turut mendapat dana daripada negara-negara Barat.

Kesemua pertubuhan yang mempromosi agenda Liberalisme ini berlapikkan slogan menentang pemikiran ekstrem yang pada hakikatnya menentang ajaran asasi Islam seperti Al-Wala' wal Bara', Tauhid, dan Sunnah kerana menilai pemahaman ajaran Islam ini melalui naratif Khawarij dan mengeneipkan hakikat bahawa naratif tersebut menyimpang daripada kefahaman Islam sebenar; Ahli Sunnah Waljamaah Al-Salafiyah<sup>29</sup>.

### **3) Menjadi Batu Loncatan kaum Sekular untuk Menekan Gerakan Islam:**

Kewujudan kaum Pengganas Khawarij ini memudahkan kerajaan-kerajaan Sekular yang anti-Islamisme menekan gerakan Islam yang menyeru kepada penerapan Syariah dalam pentadbiran.

Tokoh pendakwah dan Ulama yang lantang mengkritik dasar-dasar sekular kerajaan atau mencegah kemungkaran yang tersebar dalam kalangan masyarakat yang berbetulan dengan acara anjuran kerajaan akan ditangkap atas alasan "*Pemikiran Ekstrem*", hal ini sangat jelas dilihat pada dewasa ini termasuk di negara-negara Arab.

### **4) Menjadi Medium Aliran Ilmu Kalam dan Falsafah Menekan Aliran Salafiyah:**

Golongan Ahli Kalam dan Falsafah serta Tasawuf Batiniyah yang bercampur aduk dengan ajaran Syi'ah, Sufi, dan Teologi Skolastik menggunakan peluang kewujudan kelompok ekstrem yang digelar oleh Barat sebagai "Salafi-Jihadi" untuk menekan gerakan Ahli Sunnah Waljamaah Al-Salafiyah.

Hal ini dapat disaksikan di beberapa negara Islam sendiri selain negara Barat, bahkan di Malaysia kita dapati pertubuhan yang berorientasikan aliran Kalam-Tasawwuf berusaha sedaya-upaya mereka mengaitkan ajaran Salafiyah dengan pemikiran Ekstrem<sup>30</sup> sedangkan telah kita buktikan sebelumnya tokoh-tokoh pemikiran Ekstrem moden beraliran Tasawwuf-Kalam.

Inilah sebahagian kesan buruk kewujudan gerakan ekstrem pengganas atau Khawarij dalam Islam terhadap kestabilan dan kesatuan Umat Islam.

### **PENUTUP:**

Sebagai mengakhiri kertas kerja ini, sukalah kiranya saya menyenaraikan di sini beberapa cadangan dan langkah untuk merungkai kemelut pemikiran keganasan ini seperti berikut:

1. Menggagaskan Pendidikan Islam di semua peringkat berdasarkan aliran Salafiyah Ahli Sunnah Waljamaah yang tulen, kitab-kitab Ulama Salaf terutama karangan Syaikhul Islam Ibnu Taimiah dan Syaikhul Islam Muhammad bin Abdul Wahhab perlu dijadikan teras pengajian dalam memahami naratif Islam yang sah.

2. Mewujudkan pusat kajian strategik berteraskan manhaj Salafi bagi menerangkan kekeliruan berkenaan aliran Islam murni ini dan membezakannya dengan pemikiran menyimpang Khawarij dan Modernisme.
3. Memberikan takrif "Terrorism" dan Keganasan menurut istilah Syarak, bukan sudut pandang kafir barat. Sepatutnya pengajaran Fiqh Islami yang sudah menggariskan kedudukan Khawarij. Bughat, dan Qutto' Al-Turuq (Perompak Jalanan) dijadikan dasar untuk meletakkan hukuman sebenar ke atas kelompok-kelompok penganas kini.
4. Kerajaan Islam kini hendaklah berusaha memperbaiki sistem pentadbiran mereka supaya lebih bersesuaian dengan aturan Syariah Islam, menghapuskan sistem sekular dan demokrasi ala barat, terapkan praktik pemerintahan dari ALLAH dan untuk ALLAH, jadikan kepimpinan sebagai ibadat kepada Tuhan.
5. Kekejaman kaum kafir barat terhadap Umat Islam perlu dihadapi dengan tegas, terutama penganas Israel dan Amerika Syarikat yang saban hari menindas dan menzalimi Umat Islam. Keganasan dua penganas ulung dunia ini yang dibiarkan tanpa tindakan yang pro-aktif menjadi satu tekanan emosi kepada Umat Islam lalu mendorong kepada keganasan.

Semoga dengan lontaran cadangan ini akan menjadi titik tolak kembalinya Umat Islam kepada ajaran Islam yang sebenar, mengurangkan pengaruh naratif-naratif sesat terhadap Islam sama ada Khawarij mahupun Liberalisme. Wallahua'lam.

وصلى الله على نبينا محمد وآله وصحبه وسلم والحمد لله رب العالمين

---

<sup>1</sup> Al-Tabari, Muhammad bin Jarir, Tarikh Al-Rusul wal Muluk, cet.2 (Beirut: Dar Al-Turath, 1387H) jil4, hlm.317-326

<sup>2</sup> Al-Asy'ari, Abul Hasan, Ali bin Ismail, Maqalat Al-Islamiyin, cet.1 (Beirut: Al-Maktabah Al-'Asriyah, 1426H-2005M) juz1 hlm 84-95

<sup>3</sup> Ibid, hlm 84

<sup>4</sup> Al-Hilali, Abi Usamah, Salim bin 'Eid, Al-Jama'at Al-Islamiyah fi Dahuil Kitab was Sunnah (Amman: Dar Al-Athariah, 1425H/2004M) hlm 195, Al-Wasifi, 'Ali Al-Sayyid: Al-Ikhwan Al-Muslimun bainal Ibtida' al-Diini wal Iflas Al-Siyasi, cet.2 (Cairo: Dar Sabilil Mukminin, 1433H/2012M) hlm.35

<sup>5</sup> Al-Ikhwan Al-Muslimun, hlm.415 dan seterusnya.

<sup>6</sup> Al-Jama'at Al-Islamiyah, hlm196-205

<sup>7</sup> Al-Sisi, Abbas: Fii Qafilatil Ikhwan, juz 1, hlm.208

<sup>8</sup> Al-Ikhwan Al-Muslimun, hlm346 dan seterusnya

<sup>9</sup> Surat Khabar Al-Wafd, tarikh: 15/10/1992; penjelasan Khalid Muhammad Khalid, dan Surat Khabar Al-Misriyyun, 7/2/2009; Pengakuan Khalifah 'Atwah, bekas anggota Tanzim Al-Khas. Rujuk: Al-Ikhwan Al-Muslimun, 432 dan seterusnya.

<sup>10</sup> Al-Ikhwan Al-Muslimun, hlm438

<sup>11</sup> Ibid hlm 443

<sup>12</sup> Ibid hlm 445

<sup>13</sup> Ibid, hlm 452



---

<sup>14</sup> Rujuk: Al-Qaradawi, Dr. Yusuf: **Awlawiyat Al-Harakah Al-Islamiah**, cet. elektronik, juga: Al-Sharq, tarikh: 1/7/2015 <http://www.al-sharq.com/news/details/350900>

<sup>15</sup> Abu Mus'ab Al-Suri, **Da'watul Muqawamah**, hal.691-692 (versi Pdf)

<sup>16</sup> Abu Mus'ab Al-Suri, **Da'watul Muqawamah Al-Islamiah Al-'Alamiah**, hal.38, melalui: Ibrahim Al-Muhaimid, **Al-Qissatul Kamilah li Khawariji 'Asrina**, cet.1 (Maktabah Darul Barazi dan Darul Imam Muslim) hal.60, lihat juga: Abu Mus'ab Al-Suri, **Da'watul Muqawamah Al-Islamiah Al-'Alamiah**, hal.692, (versi Pdf)

<sup>17</sup> Diasaskan oleh Muhammad Surur Zainal Abidin, berasal dari Syria kemudian bermukim di Arab Saudi dan mencampurkan ajaran Salafiah dalam Teologi dan pemikiran Khawarij dalam Siyasah. Antara tokoh terkenal yang menjadi pengikutnya adalah Salman Al-'Audah, rujuk: Al-Arabiya.net tarikh: 20/11/2016 <http://www.alarabiya.net/ar/saudi-today/2016/11/20/%D9%85%D8%B9%D8%A7%D8%B5%D8%B1-%D9%84%D9%85%D8%A4%D8%B3%D8%B3-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D9%8A%D8%A7%D8%B1-%D8%A7%D9%84%D8%B3%D8%B1%D9%88%D9%8A-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%AE%D9%88%D8%A7%D9%86-%D9%8A%D9%83%D8%B4%D9%81-%D8%A3%D8%B3%D8%B1%D8%A7%D8%B1-%D8%AD%D9%8A%D8%A7%D8%AA%D9%87.html>

<sup>18</sup> Al-Jama'at Al-Islamiah, hlm.226-234

<sup>19</sup> Lihat karya beliau: Taffhimul Quran dan tafsirannya terhadap ayat-ayat Sifat ALLAH

<sup>20</sup> Syed Qutb, **Fi Zilal Al-Quran**, cet.17 (Beirut: Dar Al-Syuruq, 1412H) jil.3 hlm.1762

<sup>21</sup> Abu Mus'ab Al-Suri, **Afghanistan wa Toliban wa Ma'rakatul Islam Al-Yaum**, hlm.27 (versi pdf)

<sup>22</sup> Al-Bukhari (6930) Muslim (1066)

<sup>23</sup> Ibn Majah (173) Ahmad (1945, 1930)

<sup>24</sup> Ahmad (11648) Al-Bukhari (3344, 7432)

<sup>25</sup> <https://www.rand.org/about.html>

<sup>26</sup> <https://www.rand.org/pubs/monographs/MG574.html>

<sup>27</sup> IRF mendapat dana daripada National Endowment for Democracy (NED) sebanyak 60,000 dolar amerika pada 2014 dan 75,000 dolar amerika pada 2015 <https://www.ned.org/region/asia/malaysia-2015/> dan <https://www.ned.org/region/asia/malaysia-2014/>

<sup>28</sup> Projek Dialog mendapat dana sebanyak 25000 dolar amerika untuk mempromosi Pluralisme daripada National Endowment for Democracy (NED): <https://www.ned.org/region/asia/malaysia-2016/>

<sup>29</sup> <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/amid-fears-over-is-academics-claim-salafism-now-usurping-malay-culture> Lihat sebagai contoh:

<sup>30</sup> Lihat sebagai contoh: <https://www.bharian.com.my/node/111116>